



PERBADANAN SUKAN SARAWAK

NOTIS IKLAN SEBUTHARGA

1. Sebutharga adalah dipelawa daripada Kontraktor / Pembekal yang berdaftar dengan **Unit Pendaftaran Kontraktor dan Juruperunding (UPKJ)** dalam **Kategori** dan **Jenis Pendaftaran** yang berkaitan serta mempunyai tempoh pendaftaran yang sah untuk membuat tawaran buat masa ini bagi bekalan dan perkhidmatan berikut:-

No. Ruj. Sebutharga	Tajuk Sebutharga	Kategori, Kepala & Sub- Kepala		Jenis Tawaran	Yuran Dokumen (Rm)	Tarikh tutup Pengambilan / Penjualan Dokumen Sebutharga	Tarikh Tutup dan Masa Penyerahan Dokumen Sebutharga
SSC/Q/12/2026	Membekal Dan Menghantar Pelbagai Jenis Kertas Pejabat Ke Perbadanan Sukan Sarawak Mengikut Keperluan Untuk Tempoh Dua (2) Tahun	UPKJ: Bekalan dan Perkhidmatan		Terbuka	Dibayar dalam bentuk bank draf atau tunai atas nama “Perbadanan Sukan Sarawak” RM100.00 (tidak dikembalikan)	08 September 2026	09 September 2026
		Kategori	C			<u>Isnin – Khamis</u> 10.00 am – 12.00pm	Sebelum 12.00 tengahari
		Kepala	VIII			2.00pm-4.00pm	
		Sub-Kepala	3(c)			<u>Jumaat</u> 10.00 am – 11.00am 2.30pm-4.00pm	
Maklumat mengenai notis sebutharga boleh diperolehi di dalam laman web rasmi Perbadanan Sukan Sarawak www.ssc16.gov.my							

2. Dokumen Sebut Harga hanya akan dijual kepada pemilik atau wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis oleh Pemilik / Rakan Kongsi / Pengarah Syarikat. Pemilik atau wakilnya hendaklah mengemukakan **SIJIL ASAL UNIT PENDAFTARAN KONTRAKTOR DAN JURUPERUNDING (UPKJ)**, **SIJIL ASAL PENGIKTIRAFAN STATUS BUMIPUTERA** (jika berkenaan) dan **SURAT PERWAKILAN KUASA** (Jika Berkenaan) sebelum dokumen sebut harga dijual kepada Pembekal / Kontraktor yang layak
3. Bayaran Yuran Dokumen tender hendaklah dibuat dalam bentuk **Draf Bank atau Tunai** yang dibayar atas nama **Perbadanan Sukan Sarawak** untuk pembelian di Unit Akaun, Stadium Perpaduan, Petra Jaya, Kuching.
4. Contoh Dokumen Sebut Harga boleh disemak dan Dokumen Sebut Harga boleh diperolehi mulai **01 September 2026 hingga 08 September 2026 pada waktu pejabat di Unit Akaun, Stadium Perpaduan, Jalan Stadium, Petra Jaya, Kuching.**
5. Penyebutharga adalah dikehendaki untuk mengemukakan dokumen sebutharga lebih awal dari tarikh dan masa tutup yang ditetapkan untuk mengelakkan kesukaran dan kesulitan semasa berurusan untuk mengemukakan dokumen sebutharga pada hari sebutharga ditutup.
6. Ini adalah berikutan arahan atau peraturan khusus yang perlu dipatuhi oleh pelawat sebelum memasuki premis kerajaan dan bagi memastikan petender sebelum tarikh dan masa tutup sebutharga.
7. Perbadanan Sukan Sarawak tidak akan bertanggungjawab sekiranya penyebut harga lewat untuk mengemukakan dokumen sebut harga pada masa dan tarikh yang ditetapkan disebabkan arahan atau peraturan khusus yang perlu dipatuhi sebelum memasuki premis kerajaan.


8. Dokumen Sebut Harga hendaklah dimasukkan sendiri oleh Pemilik / Wakil Syarikat / Firma ke dalam Peti Tawaran dengan menggunakan **sampul berlakri** serta mempunyai catatan **Nombor Rujukan Sebut Harga** dan **Tajuk Sebut Harga**. Dokumen Sebut Harga hendaklah diserahkan selewat-lewatnya **jam 12.00 tengahari** pada tarikh tutup di alamat seperti di bawah:-

Pengerusi
Jawatankuasa Sebut Harga
d/a Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif
Tingkat 2, Pusat Akuatik Pandelega Rinong
Jalan Stadium, Petra Jaya
93050, Kuching, Sarawak

9. Dokumen Sebut Harga yang diterima selepas tarikh dan masa tutup tidak akan dipertimbangkan.
10. Perbadanan Sukan Sarawak tidak terikat untuk menerima tawaran terendah atau mana-mana tawaran atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu tawaran tersebut.

"BERSATU BERUSAHA BERBAKTI"

"AN HONOUR TO SERVE"



MU'AZAMIR BIN HAJI JILI
Ketua Pegawai Eksekutif
Perbadanan Sukan Sarawak